

Kanak-kanak Istimewa

Kecacatan Serebrum

Kanak-kanak yang mengalami kecacatan otak mengalami kelemahan dan kekakuan di kebanyakan otot terutamanya di kaki dan akan menyebabkan tidak mampu berfungsi. Mereka mampu untuk duduk dengan sendiri tetapi memerlukan kerusi untuk menampung bahagian belakang dan sisi mereka. Dengan bantuan orang lain, mereka mampu untuk bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain secara sanga perlahan tetapi bukan seperti berjalan.

Sesi Balneotherapy sangat berguna untuk membantu kanak-kanak ini. Air yang suam akan menenangkan dan membantu otot-otot mereka. Daya keapungan air mengurangkan dan melonggarkan bebanan otot-otot dan memberi kesan kepada kawalan dan keseimbangan postur badan. Kesan daripada pergerakan pada bahagian yang cacat ini akan meningkatkan kekuatan, daya ketahanan, kawalan emosi dan keseimbangan. Dengan bantuan dan mengurangkan kekakuan otot menyebabkan mudah mereka untuk bergerak. Pergerakan adalah penting untuk semua kanak-kanak: bagi meningkatkan pengaliran darah, menolong menggerak otot-otot, meningkatkan kekuatan otot, meningkatkan tahap kemampuan setiap sendi, membantu mereka untuk mengawal berat badan dan meningkatkan kemahiran mereka yang pelbagai dan berdikari.

Sesi senaman Ultrasonic balneotherapy untuk kanak-kanak seperti ini akan meningkatkan pengaliran darah mereka. Kekekapan menggunakan Ultrasonic balneotherapy akan meningkatkan kebolehan berfungsi dan kekuatan otot-otot, cecair penyambung, mengawal berat badan dan meningkatkan keseimbangan badan.

Terencat

Beberapa kes yang di buat kajian mengenai kanak-kanak terencat ini menunjukkan mereka berjaya dalam sukan air. Dalam kajian yang dijalankan, kanak-kanak cacat ini akan lebih berjaya untuk melakukan pergerakan dalam air berbanding dengan suasana gymnasium. Sebagai contoh daya keapungan air akan mengurangkan graviti bumi dan membenarkan individu tersebut untuk melakukan pergerakan dengan mengurangkan paksaan terhadap badan mereka. Dalam kata lain, kanak-kanak yang mampu untuk melakukan pergerakan akan lebih berjaya untuk melakukan pergerakan di dalam air disebabkan oleh daya keapungan dan peluang untuk melakukan pergerakan yang berbeza dan mereka akan merasa lebih seronok.

Sesi Ultrasonic balneotherapy akan memberi ketenangan melalui urutan berjuta buih yang lembut. Sesi selama 15 minit ini bersamaan dengan 1 jam urutan professional. Ia juga merupakan satu teknik terapi kepanasan dan ia akan meningkatkan kepanasan dalaman dan mengeluarkan peluh. Keadaan ini merupakan teknik yang sesuai bagi membuang toksik dalam badan kanak-kanak tersebut. Minyak asas yang ditambah dalam sesi ultrasonic balneotherapy akan meningkatkan kecekapan terutamanya untuk merehatkan badan dan membuang toksid melalui perpeluhan. Kanak-kanak yang menjalani rawatan ini setiap hari akan menunjukkan tahap imune yang tinggi.

Atrophy Maskular Spinal / Spinal Muscular Atrophy (SMA)

Atrophy Maskular Spinal ialah kumpulan kecacatan genetik disebabkan oleh kemerosotan otot dengan cepat dan kegagalan ia berfungsi. Kini ia dikenali sebagai SMA. Rawatannya ialah berkisar mengenai cara untuk menguruskan simptom dan mencegah daripada berlaku kerumitan.

Terapi air sangat menolong untuk membuat rawatan SMA kerana daya apungan air membenarkan lengan dan kaki melakukan pergerakan dan ini tidak berlaku dalam keadaan yang lain. Perkara penting yang perlu di beri perhatian ialah memastikan suhu air sekitar 90°F dan kepala pesakit tidak berada di dalam air. Kekekapan menjalankan sesi balneotherapy akan meningkatkan kecekapan untuk bergerak, mengembalikan fungsi dan mengurangkan kesakitan. Dalam satu kajian, sesi balneotherapy telah dijalankan dua kali seminggu kepada 50 pesakit SMA yang menjalani rawatan fisioterapi secara tradisional. Selepas dua tahun rawatan dijalankan, penyelidik mendapati kecacatan pada pinggang, lutut dan kaki menampakan kemajuan pada semua pesakit SMA jenis II dan

sebahagian jenis III. Kekuatan otot pesakit jenis III lebih stabil dan mempunyai peningkatan pada sebahagiannya. Pada semua pesakit, penyelidik mendapati mempunyai peningkatan pada skala Barthel Ladder. Kajian ini mencadangkan bagi memastikan peningkatan dan mengekalkan tahap kesihatan pesakit SMA jenis II dan III, fisioterapi yang dijalankan secara konvensional perlu dijalankan bersama balneotherapy.

Tahap kelemahan dan kegagalan berfungsi oleh lengan dan kaki semakin meningkat pada pesakit SMA dan ini akan menimbulkan masalah lain seperti tegangan sendi dan kekejangan otot-otot. Perkara ini adalah penting bagi membantu kanak-kanak berada dalam posisi yang betul dalam umur seawal mungkin. Berdiri merupakan posisi yang penting dalam membenarkan anda bernafas dengan baik, meningkatkan fungsi usus dan pergerakan yang lebih baik. Sesi Ultrasonic balneotherapy boleh meningkatkan kekuatan otot, cecair sendi, mengurangkan kesakitan dan kekejangan otot.

Kanak-kanak yang berpenyakit SMA jenis I dan II mudah untuk menghadapi komplikasi pernafasan. Minyak asas di gunakan bersama ultrasonic balneotherapy akan mengurangkan risiko untuk menghadapi serangan jangkitan kuman pada system pernafasan dan meningkatkan imun badan kanak-kanak tersebut. Kanak-kanak yang sedang menjalani rawatan ultrasonic balneotherapy mempunyai kekuatan imun yang tinggi dan peningkatan suhu badan dan pengaliran darah yang lebih baik.

ADHD

Balneotherapy membantu meningkatkan penumpuan kanak-kanak di dalam kelas. Sesetengah kanak-kanak memerlukan bantuan khas kerana susah untuk belajar jika mereka tidak merasa selesa, dan Balneotherapy sangat membantu menyelesaikan masalah ini.

Sesetengah kanak-kanak yang mempunyai ADHD mungkin juga mempunyai perasaan bimbang dan tekanan emosi, dan mereka akan diberi psycho-stimulants. Dadah ini mempunyai banyak kesan sampingan. Ultrasonic balneotherapy dan dicampurkan dengan minyak asas seperti camomile dan lavender boleh memberi kesan kepada keadaan persekitaran dan mengurangkan penggunaan dadah psycho-stimulants serta mengurangkan kesan sampingan daripada pengambilan bahan tersebut.,

Ultrasonic balneotherapy juga dapat membantu pemanasan dalam badan dan juga system pernafasan. Ia juga merupakan satu teknik yang bagus untuk mengeluarkan toksid daripada badan kanak-kanak dan akan meningkatkan kembali ADHD kanak-kanak tersebut.

Ultrasonic balneotherapy membantu melancarkan perjalanan darah dan menyokong kembali fungsi otak dan system saraf. Ia juga menjadikan perjalanan oksigen dengan baik dan menyokong nutrisi di dalam darah yang membawa kepada otak dan bahagian lain, pada masa yang sama ia menyingkirkan bahan yang tidak diperlukan.